

Fiqah Siber: Panduan, Adab dan Etika di dalam Dunia Maklumat

*Mohd Iksan Md Raus
Muhammad Muzakkir Othman
Wan Azmi Wan Ahmad
Suzaini Harmiruslin Supian*

ABSTRAK

Perkembangan ICT (Information, Communication & Technology) melalui internet menjadi faktor utama manusia mudah mendapat maklumat dan informasi yang diperlukan pada bila-bila masa sahaja, samada yang baik maupun yang buruk, khususnya melalui laman media social, Facebook. Dunia maklumat tanpa sempadan ini seringkali disalahgunakan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab dan tidak beretika, tanpa mengira hukuman atau impak yang bakal diterima di dunia, apatah lagi memikirkan kesan dan akibat di akhirat kelak. Gejala seperti fitnah memfitnah sesama manusia, mendedahkan aurat, menghina dan memalukan pihak lain, menipu ketika berniaga secara talian di laman sosial dan lain-lain perkara yang boleh meruntuhkan masyarakat merupakan satu budaya yang sudah tidak dapat dibendung lagi di zaman sekarang. 274 set soalan telah diedarkan kepada pelajar UiTM Pahang untuk mengukur tahap kesedaran mereka terhadap perkara-perkara yang tidak diingini seperti jenayah siber, bunuh diri, ganguan seksual, kecurian maklumat diri dan cetak rompak. 78% daripada mereka sedar terhadap risiko yang bakal dihadapi sekiranya mereka mendedahkan maklumat peribadi di Facebook. Kertas kerja ini membincangkan adab dan etika mengikut Quran dan Sunnah yang perlu diikuti dan dijadikan panduan ketika berhubung atau menggunakan internet di dalam memastikan tiada unsur pelanggaran aqidah. Panduan yang disediakan memberikan kupasan terhadap dalil dan nas yang telah dipersejuaui oleh para ulama' mu'tabar dalam menyatukan ummah di samping menerapkan unsur wasatiyah Islam dalam kehidupan selaras dengan wawasan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Kata Kunci: internet, Facebook, laman sosial, adab & etika, siber feqah

Pengenalan

Islam merupakan agama yang bersifat praktikal serta universal serta meraikan perubahan-perubahan zaman samada dari segi teknologi dan kemodenan. Fenomena Facebook, Twitter, YouTube dan sebagainya merupakan kesan daripada dunia tanpa sempadan yang seharusnya dimanfaatkan dengan sebaiknya oleh umat Islam. Laman sosial media menjadi satu medium untuk berkomunikasi dengan manusia yang lain walaupun berbeza tempat dan juga geografi. Statistik sehingga Disember 2011 menunjukkan pengguna Facebook telah mencapai 800 juta pengguna seluruh dunia, dan 12, 159, 260 pengguna di Malaysia khususnya. Majoriti pengguna Facebook adalah berumur lingkungan 18 – 24 tahun (Gross & Acquisti, 2005) dan 34% pengguna Facebook di Malaysia adalah lingkungan umur 18 – 24 tahun (www.socialbakers.com).

Berkaitan hukum penggunaan teknologi maklumat seperti Facebook, Zaharuddin Abd Rahman (2012 a) di dalam Majalah Solusi menyatakan hukum asalnya adalah harus selagi boleh memberikan kebaikan dan tidak terbukti ia digunakan untuk menyerang Islam dengan menyalurkan keuntungan untuk musuh-musuh Islam seperti Yahudi menyerang Islam. Walaupun begitu, terdapat banyak permasalahan yang timbul kesan daripada penyalahgunaan terhadap teknologi tersebut. Antaranya masalah rogol, lari dari rumah, penipuan serta penyebaran fitnah.

Kajian Kes

Faktor kewujudan teknologi maklumat seperti laman sosial Facebook, Twitter dan sebagainya dilihat boleh mempengaruhi pemikiran seseorang remaja itu untuk bertindak di luar batasan. Melalui laman sosial tersebut, mereka mudah terpengaruh dengan cara pergaulan bersama kenalan selain melayari laman web yang mendatangkan kesan negatif. Zaman remaja merupakan masa untuk individu itu mencuba sesuatu benda yang baru, mempelajari kemahiran-kemahiran dan membuat suatu kajian dengan perubahan (Fogel & Nehmad, 2009).

Di samping itu penggunaan internet yang tidak terkawal serta tiada batasan syariat juga banyak mendorong kepada krisis serta masalah pendedahan aurat samada dalam konteks pemakaian, tayangan filem yang berunsur seks dan lucu dan sebagainya. Remaja merupakan golongan yang mudah terpesona dan ingin mencuba sesuatu yang baru tanpa memikirkan kesan negatif daripada perbuatan tersebut. Melalui Facebook sebagai contohnya banyak tersebarinya gambar-gambar yang mendedahkan aurat sedangkan perbuatan tersebut merupakan sesuatu yang haram dalam Islam.

Selain itu, terdapat juga beberapa kes bunuh diri yang di kaitkan dengan penggunaan Facebook sebagaimana yang telah berlaku di Melaka pada Februari 2011 di mana seorang remaja perempuan yang mempunyai masalah telah terjun dari tingkat dua sekolah (www.mstar.com.my). Namun isu yang ingin diutarakan dalam kes ini adalah bagaimana beliau telah menyatakan keinginan untuk membunuh diri di dalam laman Facebook.

Fiqh Siber

Pengertian perkataan ‘FIQH’ mengalami suatu evolusi sejak dari zaman Rasulullah s.a.w sehingga al terminologinya dimantapkan di zaman pemerintahan kerajaan Abbasiyah, apabila ilmu agama didisiplinkan mengikut bidang-bidang ikhtisas masing-masing seperti ilmu Tauhid, ilmu Tasawuf dan ilmu Fiqh itu sendiri (Mahmood Zuhdi Ab. Majid, 1988).

Di zaman Rasulullah s.a.w, perkataan Fiqh dertiakan sebagai memahami ajaran Islam secara mutlak, sama ada mengenai akidah, akhlak ataupun hukum-hakam. Di zaman Tabi’ al-Tabi’in, Imam Abu Hanifah mendefinisikan Fiqh sebagai “mengetahui hak dan tanggungjawab diri. Pada zaman Abbasiyah, ulama Usul-Fiqh mendefinisikan Fiqh sebagai ‘Memahami hukum-hakam Syara’ mengenai perbuatan lahir manusia berdasarkan sumber-sumbernya yang terperinci”. Manakala bagi ulama Fiqh pula, ia bermaksud “pengetahuan tentang hukum amali secara umum, sama ada melalui dalil-dalil syara’ yang terperinci atau secara taqlid sahaja” (Badran Abul-‘Ainin Badran, 1972).

Dalam konteks tajuk kajian ini, perkataan Fiqh boleh difahami dalam kedua-dua pengertian, iaitu sebagaimana pendapat ulama Fiqh ataupun Usul. Penulis berpendapat, dalam menangani isu-isu yang agak mudah seperti tulisan-tulisan bersifat picisan yang tidak mengutarkan sesuatu isu secara serius dan kompleks, memadailah jika masyarakat mengaplikasikan pengertian Fiqh sebagaimana didefinisikan oleh ulama Fiqh.

Namun, ketika berdepan dengan isu atau penulisan yang lebih serius dan kompleks, yang memberikan dampak negatif dan berupaya meruntuhkan kerukunan masyarakat, menodai kesucian agama, menyebarkan fitnah dan merosakkan aqidah, maka istilah fiqh seperti yang didefinisikan oleh ulama Usul-Fiqh lebih tepat untuk diaplikasi, agar masyarakat dapat memahami sesuatu isu dengan betul. Contohnya, al-Fatiha Foundation (<http://www.al-fatiha.net>), seseorang yang melayari website berkenaan perlu mendapatkan kefahaman yang betul dan terperinci daripada dalil-dalil naqli dan aqli berhubung dengan LGBT. Begitu juga dalam kes seperti isu Bone China dan produk-produk yang bahan asasnya terdiri daripada kod-kod tertentu yang dikatakan mempunyai DNA babi (inspirasicyber.com).

Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan kajian kepustakaan di mana penulis menggunakan kaedah mencari, membaca dan menganalisa jurnal-jurnal, penulisan sedia ada dan yang telah lalu buku-buku dan juga beberapa lama web untuk mendapatkan maklumat secara umum berkaitan dengan skop kajian. Untuk mendapat respon dan maklum balas daripada pelajar, borang soal selidik telah diedarkan kepada 300 pelajar UiTM Pahang, tetapi hanya 274 sahaja yang menyerahkan semula dan menjawab borang tersebut dengan betul. Pelajar adalah lingkungan umur daripada 18 – 24 dan sedang mengikuti pelbagai program dan kursus di UiTM Pahang. Borang soal selidik ini telah digunakan dan diubah daripada beberapa kajian terdahulu oleh Tuunainen & Hovi (2009), Gross & Acquisti (2005) dan Fogel & Nehmad (2009) mengikut suasana pembelajaran UiTM Pahang.

Keputusan dan Perbincangan

Kajian ini dijalankan untuk mengukur tahap kesedaran pelajar-pelajar UiTM Pahang terhadap perkara-perkara yang tidak diingini seperti jenayah siber, bunuh diri, ganguan seksual, kecurian maklumat diri dan cetak rompak. 300 pelajar UiTM Pahang daripada pelbagai program dan kursus dipilih untuk menjadi sampel kajian ini dan hanya 274 pelajar sahaja yang berjaya menjawab soal selidik dengan betul dan tepat. 43.1% responden adalah lelaki dan 56.9% daripada mereka adalah perempuan. 51.8% responden berada dalam umur 20 tahun. Kebanyakannya responden daripada bidang Sains dan Teknologi, manakala dari Sains Sosial dan Kemanusiaan dan bidang Pengurusan dan Perniagaan masing-masing hanya 9.1% dan 24.1%.

Jadual 1 di bawah menunjukkan risiko yang dibimbangkan oleh responden sekiranya mereka mendedahkan maklumat secara terbuka di dalam Facebook. 214 responden bersetuju bahawa kecurian identity (identity theft) atau kecurian maklumat individu (personal information theft) adalah yang paling tinggi sekali risikonya, diikuti oleh penggunaan akses tanpa kebenaran (unauthorized use of access) dengan 67% dan porno-siber (cyber-porn) dengan 49%. Risiko yang paling rendah kemungkinan pengguna Facebook akan terima adalah bunuh diri dengan 43 responden (16%).

Jadual 1: Risiko yang Dibimbangkan oleh Responden Facebook

Kategori	Jumlah Responden	Peratus (%)
Kecurian identity/Kecurian maklumat peribadi	214	78
Fitnah/Penghinaan	120	44
Seksual	131	48
Penggunaan akses tanpa kebenaran	185	67
Pelanggaran Hakcipta	83	30
Penipuan internet/Kecurian maklumat kad kredit	77	28
Buli Siber	58	21
Bunuh diri	43	16
Porno siber	135	49

Di antara salah satu jenayah yang sentiasa meningkat di seluruh dunia adalah kecurian maklumat peribadi atau kecurian identity (Miller, 2006). Perkara ini amat membimbangkan dan mendapat perhatian daripada beberapa organisasi terhadap isu keselamatan dan privasi, di mana tertubuhnya beberapa undang-undang dan akta-akta yang bertanggungjawab untuk melindungi mangsa-mangsa keadaan sekiranya berlaku perkara tersebut. Umumnya, berdepan dengan senario ini, seorang Muslim perlu memperkuatkhan jatidiri dan sentiasa mendalami ajaran dan hukum Islam dari masa ke semasa. Nasihat dan pandangan daripada pakar-pakar dalam bidang berkenaan juga boleh dirujuk, tambahan pula ramai di kalangan mereka yang boleh memberikan khidmat nasihat secara maya melalui web, blog dan Facebook masing-masing. Dalam menangani permasalahan-permasalahan ini Islam telah meletakkan garis panduan serta tatacara demi menjaga batasan-batasan syariat. Namun, beberapa langkah praktik berikut boleh diambil:

1. Tidak Mendedahkan Aurat

Di dalam melayari internet samada Facebook, Twitter dan lain-lain lagi seseorang muslim perlu bahkan menjadi suatu kewajipan untuk menjaga batasan-batasan aurat seperti tidak meletakkan gambar yang mendedahkan bahagian aurat mahupun dalam keadaan yang boleh merangsang nafsu syahwat. Sudah menjadi suatu budaya di kalangan muda-mudi sekarang yang banyak terikut dengan budaya pemakaian ala Barat yang mendedahkan aurat seperti berpakaian jarang dan ketat walaupun pakaian tersebut menutup seluruh tubuh (Che Zainon, 1995).

Menurut Rokiah Ahmad (2004), sejarah berpakaian jarang dan ketat telah diperkenalkan oleh orang-orang Yahudi dengan tujuan untuk meruntuhkan akhlak remaja-remaja Islam. Buktinya kita dapat melihat pada hari ini fesyen tersebut sangat digemari oleh orang-orang Islam yang mendakwa untuk mendapatkan publisiti, gaya serta kecantikan. Sedangkan perlakuan tersebut merupakan perlakuan orang yang tidak memiliki sifat malu. Apabila seseorang tidak memiliki lagi sifat malu ianya secara tidak langsung menggambarkan orang tersebut sudah tiada nilai keimanan dalam jiwa.

Sedangkan Rasulullah s.a.w telah melarang perbuatan tersebut melalui sebuah hadis yang bermaksud:

“Daripada Khalid bin Duraik, daripada Aishah, bahawa Asma’ binti Abu Bakar telah memasuki rumah Rasulullah dengan berpakaian nipis, Rasulullah berpaling dari melihat Asma’ lalu bersabda: Wahai Asma’! Sekiranya seseorang wanita itu telah didatangi haid (baligh) tidak boleh dilihat tubuh badannya kecuali bahagian ini dan ini sahaja, (sambil Rasulullah menunjukkan ke arah muka dan dua tangannya”.

2. Tidak menyebarkan fitnah

Dunia tanpa sempadan juga terdedah kepada pelbagai fitnah ataupun berita-berita yang berbentuk Tuhan palsu ataupun pembohongan. Ini dapat diperhatikan sebagaimana yang terdapat dalam web blog, Facebook, Twitter, laman-laman web dan sebagainya. Hal ini telah mengundang berlakunya penyebaran berita-berita yang boleh menjelaskan maruah serta kredibiliti seseorang yang belum pasti kesalahannya. Bahkan yang lebih parah lagi boleh menyumbang kepada permusuhan. Dalil pengharaman fitnah:

وَلَا تُطْعِنُ كُلَّ حَلَّافٍ مَّهِينٍ ﴿١١﴾ هَمَّازَ مَشَاءَتِي سَيِّمٍ ﴿١٠﴾

Maksudnya:

Dan janganlah kamu ikuti setiap orang yang banyak bersumpah lagi hina. Yang banyak mencela, yang kian ke mari menghambur fitnah,

(Al-Qalam: 10-11)

Selain itu, terdapat suatu kisah (Az-Zahabi, 2007) yang menunjukkan balasan yang menimpa ke atas mereka yang melakukan jenayah fitnah ini sebagaimana hadis yang diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w melalui dua buah kubur lalu bersabda:

“Keduanya sedang diseksual, salah seorang di antara mereka berdua tidak menjaga kebersihan dirinya dari air kencingnya dan yang lain sentiasa berjalan untuk memfitnah”. Kemudian Baginda s.a.w mengambil sebatang pelepas kurma dan membelahnya menjadi dua dan memacakkannya pada kedua-dua kubur tersebut seraya bersabda : “Barangkali hal itu akan meringankan seksa keduanya selagi belum kering”.

(Riwayat Jama’ah dan Ibn Khuzaimah)

3. Tidak mendedahkan keaiban diri sendiri dan orang lain

Terdapat juga segelintir pengguna internet yang tanpa sedar telah melakukan dosa dengan mendedahkan keaiban orang lain malahan secara tidak langsung ianya juga telah mendedahkan keaiban dirinya sendiri. Hal ini biasanya melibatkan pasangan suami isteri, pasangan kekasih yang meluahkan ketidakpuasan hati serta kekecewaannya terhadap pasangannya. Islam melarang perbuatan mendedahkan keaiban orang lain mahupun keaiban diri sendiri. Antaranya mendedahkan rahsia rumah tangga, rahsia pasangan yang sepatutnya tersimpan rapi antara suami isteri. Dalil larangan mendedahkan keaiban:

إِنَّ الَّذِينَ يُحِبُّونَ أَنْ تَشْيَعَ الْفَحْشَةُ فِي الْأَرْضِ إِنَّمَا لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿١٩﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya orang-orang yang ingin agar (berita) perbuatan yang amat keji itu tersiar di kalangan orang-orang yang beriman, bagi mereka azab yang pedih di dunia dan di akhirat. Dan Allah mengetahui, sedang, kamu tidak mengetahui.

(Surah Al-Nur : 19)

Rasulullah s.a.w juga ada menyatakan berkaitan perkara tersebut sebagaimana hadisnya yang bermaksud:

“Sifat seorang mukmin itu ialah ia tidak mengumpat dan tidak mendedahkan aib dan keburukan orang lain. Sesungguhnya sesiapa yang mendedahkan keibaan orang Islam lain, maka Allah akan membongkarkan aib dan rahsianya, walaupun yang dilakukannya di dalam rumah dan di dalam bilik yang tertutup rapat.”

(Riwayat Abu Daud)

4. Tidak menyebarkan berita palsu

Hal ini pernah menggemparkan negara suatu ketika dahulu di mana tersebarlu berita tentang kematian Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar yang menyebabkan kekeliruan terhadap masyarakat. Dalam menangani perkara tersebut, Islam telah meletakkan suatu garis panduan yang tegas di mana seseorang itu perlu memastikan terlebih dahulu berita yang diterimanya itu benar-benar sahih. Dalil larangan menyebarkan berita palsu:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنْ جَاءَ كُلُّ فَاسِقٍ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَنْ تُصِيبُوا قَوْمًا
٦
 بِجَهَنَّمَةِ فَنْصِبُوهُ أَعْلَى مَا فَعَلْتُمْ نَذِيرٌ

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, jika datang kepadamu orang fasik membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti agar kamu tidak menimpakan suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatanmu itu.

(Al-Hujurat: 6)

Antara perkara yang termasuk dalam pemalsuan ini adalah penyamaran. Menurut Zaharuddin Abd Rahman (2012 b) terdapat segelintir lelaki yang menyamar sebagai wanita untuk menjadi sahabat dan seterusnya mendapat maklumat wanita. Terdapat juga segelintir lelaki yang tidak diterima permintaan tersebut telah menyamar sebagai seorang wanita dengan hanya meletakkan gambar wanita semata-mata untuk mengabui mata orang lain. Oleh sebab itu pastikan setiap gambar yang dipaparkan terhad dan terjaga dari segi adab dan perlakuan.

5. Mengutamakan perpaduan dan mengelakkan perpecahan

Perbezaan pendapat sama ada dalam aspek politik, ekonomi, pendidikan dan sebagainya perlu diraikan dengan sikap terbuka dan berlapang dada. Keghairahan mengutara dan mempertahankan pendapat sendiri atau kumpulan perlu diimbangi dengan perkiraan sejahteranakah polemik atau pertarungan idea itu boleh membawa impak positif atau negatif kepada agama, bangsa dan negara. Menurut (al-Qaradhawi, 1990), para ulama telah menggubal satu kaedah untuk menangani perkara ini, iaitu:

الاتفاق على الفاضل خير من التفرق على الأفضل
 Bersepakat dengan yang baik adalah lebih utama daripada
 berpecah-belah untuk menegakkan yang terbaik.

Ungkapan ‘yang baik’ dan ‘yang terbaik’ merangkumi apa jua perkara seperti aktiviti masyarakat, pendapat, wawasan, idealisme, pendekatan dan sebagainya.

Kesimpulan

Islam merupakan agama yang bersifat tetap dan anjal dari segi pelaksanaan hukum. Ini juga membawa maksud Islam adalah agama yang tidak menentang sebarang bentuk kemajuan samada dari aspek pembangunan, komunikasi dan lain-lain lagi asalkan ianya tidak mengundang kepada pintu-pintu maksiat dan dosa. Namun yang paling penting sekali ianya perlulah dibatasi dengan hukum hakam syariat. Sebarang kemajuan yang dimiliki perlulah digunakan dengan sebaik mungkin untuk kemaslahatan manusia apatah lagi untuk menyebarkan Islam dalam segenap bidang kehidupan samada aspek kenegaraan, kemasyarakatan dan sebagainya.

Rujukan

Al Quran Al-Karim.

al-Qaradhawi, Yusuf .(1990). al-Sohwah al-Islamiyah Bain al-Ikhtilaf al-Masyru' wa al-Tafarruq al Mazmum. Kaherah: Maktabah Wahbah.

Badran Abul-'Ainin Badran. (1972). al-Syariah al-Islamiyah. Kaherah: Maktabah al-Azhariah.

Che Zainon Yusof. (1995). Penyelewengan Wanita Menurut Pandangan Islam, Pustaka Ilmi, Selangor.

Fogel, J. and Nehmad,E. (2009). Internet social network communities: Risk taking, trust and privacy concerns. *Computers in Human Behavior* 25 (2009) 153-160.

<http://www.al-fatiha.net>.

<http://muslimgay.uk>.

<http://inspirasicyber.com>.

<http://www.freemalaysiatoday.com/17.7.2012>.

Imam Az-Zahabi. (2007). Tujuh Puluh Dosa Besar, Pustaka Ilmi, Selangor, h.370.

Mahmood Zuhdi Ab. Majid. (1988). Sejarah Pembinaan Hukum Islam. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.

Pitkanen, O Tuunainen, V.K Hovi.N. (2009). User's Awareness of Privacy on Online Social Netwroking Sites – Case of Facebook, 22nd Bled eConference, eEnablement: Facilitating an Open, Effective and Representative eSociety, June 14 – 17, 2009; Bled, Slovenia.

Ralph Gross & Alessandro Acquisti. (2005). Information Revelation and Privacy in Online Social Networks (The Facebook Case), ACM Workshop on Privacy in the Electronic Society (WPES) 2005.

Rokiah Ahmad. (2004). Mengapa Aurat Haram Didedah, Pustaka Abdul Majid, Kuala Lumpur.

Shiela A. Miller, (2006). Privacy and Security: Best Practices for Global Security, *Journal of International Trade Law& Policy*, Vol. 5 No. 1.

www.socialbakers.com.

www.mstar.com.my.

Zaharuddin Abd Rahman. (2012 a). *Majalah Solusi* (Isu No 17). Telaga Biru Sdn Bhd. Kuala Lumpur.

Zaharuddin Abd Rahman . (2012 b). *Ledakan Facebook Antara Pahala & Dosa*, PTS Publications Sdn Bhd, Selangor.

MOHD IKHSAN MD RAUS, MUHAMMAD MUZAKKIR OTHMAN, WAN AZMI WAN AHMAD, SUZAINI HARMIRUSLIN SUPIAN.

Universiti Teknologi MARA (Pahang). mohdikhsan@pahang.uitm.edu.my, ziekir@pahang.uitm.edu.my, [wanazmi@pahang.uitm.edu.my](mailto>wanazmi@pahang.uitm.edu.my), harmiruslin@pahang.uitm.edu.my.